



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021

4 Mac 2022 - Majlis Daerah Batu Gajah mengucapkan setinggi - tinggi tahniah kepada pegawai yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2021. Diharap anugerah ini akan terus mendorong semangat pegawai dalam memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi kepada organisasi dalam mencapai hasrat pembangunan yang mampan.

Majlis ini dilaksanakan secara *hybrid* dengan kehadiran penerima anugerah di Dewan Bandaran Kinta serta penonton diselaraskan di Auditorium, Majlis Daerah Batu Gajah atas nasihat Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam mengurangkan risiko penularan wabak Covid-19.



MAJLIS PERASMIAN DAN PELANCARAN
FUN MAP BATU GAJAH DI THE TREASURE
@TAMAN HERBA GOPENG

Lagi berita di halaman seterusnya..



mdbatugajah



majlisdaerahbatugajah_




www.mdbg.gov.my

PROGRAM LUKISAN MURAL USAHASAMA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERAK CAWANGAN SERI ISKANDAR

Lukisan mural yang menghiasi dinding bangunan Laman Komuniti Batu Gajah bakal menjadi tarikan terbaharu pelancongan di Batu Gajah. Kerja-kerja lukisan mural ini telah dijayakan oleh warga kerja dan pelajar dari Universiti Teknologi Mara Perak Cawangan Seri Iskandar bermula 28 Februari hingga 7 Mac 2022.

Usaha ini diharap mampu menarik minat pelancong tempatan atau luar ke Batu Gajah. Langkah ini secara langsung dapat mempromosi lokasi tersebut kepada orang ramai.

Mural yang berinspirasi sejarah Batu Gajah, lokasi-lokasi tumpuan utama dan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) diharap dapat memberi pengetahuan kepada komuniti penduduk dan pelancong yang berkunjung ke sini.



Majlis Perasmian Mural DI LAMAN KOMUNITI JALAN BESAR BATU GAJAH



29 April 2022 - Majlis Daerah Batu Gajah mengalu-alukan kesudian YB Dato' Nolee Ashilin binti Dato' Mohammed Radzi ke Majlis Perasmian Mural di Laman Komuniti, Jalan Besar Batu Gajah.

Selain perasmian mural, YB Dato' yang diiringi Tuan Mohamad Razif bin Ramli serta Profesor Surveyor Dr Md Yusof Hamid, Rektor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar turut menyampaikan penghargaan kepada agensi -agensi yang terlibat serta turut menyantuni peserta eKasih bawah pentadbiran MDBG.





PROGRAM PENYERAHAN SIJIL PENGHARGAAN KEPADA PREMIS PERNIAGAAN YANG MENYOKONG PENGGUNAAN TULISAN JAWI



24 Mac 2022 – Program penghargaan kepada premis perniagaan yang menggunakan tulisan jawi dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah telah disempurnakan oleh Tuan Mohamad Razif Bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah dan Ahli Majlis, Majlis Dearah Batu Gajah.



Inisiatif ini diambil sebagai objektif utama Majlis Daerah Batu Gajah dalam menggalakkan dan memperkasa penggunaan tulisan jawi pada premis perniagaan dalam kawasan pentadbiran.



Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jom Bake Bg Enterprise, Marrybrown (*Hot and Crispy Family Restaurant*) dan Kedai Serbaneka Zon Jimat RM2 (Lima Sen Sdn. Bhd.) atas inisiatif yang telah diambil. Harapan kami agar lebih banyak pelesen menyokong usaha dalam memartabatkan penggunaan tulisan jawi pada papan iklan di premis masing-masing.



PROGRAM CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN MEGA TUNAI BONANZA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH TAHUN 2022

Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah menganjurkan Program Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Mega Tunai Bonanza 2022 pada 8 April 2022 kepada pembayar cukai taksiran yang telah menjelaskan bayaran bagi tempoh satu (1) tahun serta tiada sebarang tunggakan Cukai Taksiran, Notis E dan Waran F.

Cabutan ini terbuka kepada semua pembayar Cukai Taksiran Am (CTA) Majlis Daerah Batu Gajah.

SESI PENYAMPAIAN HADIAH CABUTAN BERTUAH MEGA TUNAI BONANZA TAHUN 2022

26 April 2022-Seperti yang dijanjikan ketika Program Cabutan Bertuah Mega Tunai Bonanza Majlis Daerah Batu Gajah Tahun 2022 pada 8 April yang lalu, sesi penyampaian hadiah bagi Cabutan Premium yang keseluruhan nilai berjumlah RM10,000.00 telah diadakan pada hari ini.

Hadiah berupa wang tunai telah disampaikan kepada pemenang oleh Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah disaksikan oleh Ahli Majlis, Majlis Daerah Batu Gajah.



Yang Dipertua MDBG bergambar kenangan bersama para pemenang cabutan premium

PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA PERTANDINGAN LANDSKAP KATEGORI RUMAH PERSendirIAN PERINGKAT MAJLIS DAERAH BATU GAJAH



8 April 2022 - Pada 20 Disember 2021 sehingga 31 Januari 2022, satu pertandingan landskap kategori rumah persendirian telah dilaksanakan. Dua kategori yang telah dipertandingkan iaitu Kategori Rumah Teres/Lot Tepi dan Kategori Rumah Banglo/Sesebuah.

Penganjuran pertandingan tersebut ialah bertujuan memupuk minat serta memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya penghuni kediaman supaya menjaga kebersihan serta mengindahkan kawasan kediaman masing-masing. Markah dinilai dari segi kekemasan dan kebersihan landskap di lokasi.

Sehubungan itu, sesi penyampaian hadiah telah dilaksanakan kepada pemenang yang bertuah. Syabas dan tahniah diucapkan. Semoga ini dapat memberi contoh kepada seluruh komuniti penduduk Batu Gajah.

SENARAI PEMENANG

KATEGORI BANGLO/SEBUAH

JOHAN : RAJA ZAINUDDIN BIN ABDUL RAHMAN

NAIB JOHAN : ABU BAKAR BIN HJ AHMAD

TEMPAT KETIGA : ABU BAKAR BIN HJ AHMAD

KATEGORI TERES/LOT TEPI

JOHAN : MARZLIN BINTI OSMAN

NAIB JOHAN : RUSLI BIN MOHD HASHIM





MAJLIS PERASMIAN DAN PELANCARAN FUN MAP BATU GAJAH DI THE TREASURE@TAMAN HERBA GOPENG

28 Mei 2022 – Majlis perasmian dan pelancaran Fun Map Batu Gajah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Nolee Ashilin binti Dato' Mohammed Radzi, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan diiringi Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah dan Tuan Haji Yahanis bin Yahaya, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak.

Majlis perasmian ini diadakan sempena Majlis Perak SADC Agrifest Raya 2022 anjuran Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) dengan kerjasama The Treasure @ Taman Herba Gopeng. Program ini dijadualkan berlangsung bermula 28-31 Mei 2022 dengan pelbagai aktiviti disediakan sesuai untuk seisi keluarga. Dijemput kepada semua komuniti penduduk Batu Gajah untuk hadir dan memeriahkan suasana.

PERAK SADC Agrifest
Pertanian Nadi Ekonomi Negara
28-31 MEI 2022
The Treasure @Taman Herba Gopeng

Gerai Jualan Usahawan
Ceramah Perdana Dato' Ustaz Kazim Elias
Malam Melayu Nusantara Berbusana
Kayuhan Perdana
ATV Challenge, Petting Zoo, Buggy Herbs Tour, Kayak
Persembahan Kebudayaan Dendang Anak
Jamu Raya SADC
Pertandingan Melukis & Nyanyian

JAZZ NIGHT @ THE TREASURE
Dato' Zainal Abidin Atilia Haron
New Village Music Lab

MASUK ADALAH PERCUMA

www.thetreasure.com.my
@thetreasure_gopeng The Treasure at Taman Herba Gopeng



SESI PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) TAHUN 2022



15 Jun 2022 - Majlis Daerah Batu Gajah berbesar hati menerima kunjungan daripada Pasukan Audit, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menjalankan sesi nilai SPB-PBT tahun 2022.



Terima kasih diucapkan kepada kesemua panel yang terlibat. Semoga kualiti penyampaian dapat ditambah baik untuk perkhidmatan yang lebih berkesan kepada komuniti.



Program Eco Green Market & Pembukaan Kaunter Perkhidmatan

26 Jun 2022 (Ahad) | 9.00 pagi
Surau Al-Ikhlas Bandar Pulai Jaya



26 Jun 2022 - Telah berlangsungnya Program Eco Green Market dan Pembukaan Kaunter Perkhidmatan Majlis Daerah Batu Gajah di Surau Al Ikhlas, Bandar Pulai Jaya. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada komuniti penduduk Bandar Pulai Jaya, Kg. Merawan Indah dan Kg. Serdang Permai kerana turut serta dalam program kali ini. Syabas dan tahniah atas kerjasama baik yang diberikan.

Pengunjung yang hadir ke program tersebut, berpeluang menukar barangan kitar semula kepada barangan keperluan harian. Selain itu, kaunter perkhidmatan MDBG juga dibuka kepada komuniti setempat bagi urusan seperti ketetapan berikut :

- Bayaran cukai taksiran
- Bayaran kompaun
- Semakan dan cetakan bil cukai taksiran
- Aduan awam
- Pendaftaran e-kasih

Istimewa pada hari tersebut, pengunjung yang hadir berpeluang untuk mendapat potongan 50% untuk bayaran kompaun dan pengecualian Notis E bagi bayaran penuh cukai taksiran.



10 JANUARI 2022

MAJLIS PENYERAHAN KIOSK NIAGA DATARAN KOMUNITI SENTANG

Majlis Daerah Batu Gajah mengambil inisiatif dengan membantu komuniti peniaga di Batu Gajah untuk meningkatkan ekonomi. Oleh itu, majlis penyerahan kiosk niaga di Dataran Komuniti Sentang dilaksana bagi membolehkan peniaga yang terpilih dapat berniaga dengan lebih selesa dan teratur. Majlis penyerahan yang pertama kali diadakan ini disempurnakan oleh Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah.



11 JANUARI 2022

PENGIKTIRAFAN KEPADA 'ABANG KAPCAI' SUKARELAWAN MISI BANJIR

Atas dasar empati yang tinggi dalam diri, Encik Mior atau lebih dikenali dengan nama 'Abang Kapcai' telah melaksana misi solo menjadi sukarelawan banjir di negeri-negeri yang terjejas.

Berbekalkan sedikit kemahiran dan tenaga, beliau menghulurkan sumbangan tanpa mengira penat dengan hanya menaiki motor kapcai milik beliau.

Majlis Daerah Batu Gajah berbangga dan mengiktiraf anak muda ini atas kerja amal yang dilakukan sebagai warga komuniti dalam kawasan pentadbiran. Semoga usaha ini dapat dicontohi dan dapat diteruskan pada masa akan datang



11 JANUARI 2022

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PASUKAN VETERAN ANGGATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) KE MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

11 Januari 2022 - Terima kasih kepada Pasukan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PV ATM) atas kesudian berkunjung ke Majlis Daerah Batu Gajah.

Secara tidak langsung, kunjungan ini mampu mewujudkan hubungan baik antara Majlis Daerah Batu Gajah bersama stakeholder dalam kawasan pentadbiran ini.

Segala pandangan yang diutarakan akan diberi perhatian dan penambahbaikan dalam membantu meningkatkan mutu perkhidmatan Majlis Daerah Batu Gajah.



26 MAC 2022

LAWATAN KERJA PUSPANITA NEGERI PERAK KE DESTINASI PELANCONGAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Majlis Daerah Batu Gajah berbesar hati menerima kunjungan daripada PUSPANITA Negeri Perak ke Kellie's Castle, Tanjung Tualang Tin Dredge No.5(TT5) dan tarikan terbaru mural di Laman Komuniti Batu Gajah .



04 APRIL 2022

PROGRAM PERASMIAN DAN WALKABOUT DI BAZAR RAMADAN DATARAN ORKID BATU GAJAH

Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) dengan kerjasama Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Perkasa Negeri Perak telah mengadakan Program Perasmian dan Walkabout di Bazar Ramadan Dataran Orkid Batu Gajah. Program tersebut telah dirasmikan oleh Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah.

Program tersebut diisi dengan acara penyerahan bubur lambuk oleh Tuan Yang Dipertua kepada pengunjung bazar dan pemberian buah tangan kepada peniaga-peniaga di bazar tersebut



13 APRIL 2022

PROGRAM PEMANTAUAN SOP COVID-19 DAN PROGRAM HIGH PROFILE POLICING (HPP) BAZAR RAMADAN PERDANA YDHP DCP DATO' PAHLAWAN TIMBALAN KETUA POLIS PERAK 2022

Telah berlangsung Program Pemantauan SOP Covid-19 dan Program High Profile Policing (HPP) di Bazar Ramadan Taman Orkid. Pemantauan telah dilaksana DCP Dato' Pahlawan Timbalan Ketua Polis Perak, Datuk Azizi Mat Aris diiringi Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah, Tuan Mohamad Razif bin Ramli.



15 APRIL 2022

MAJLIS IFTAR RAMADAN MDBG TAHUN 2022

Majlis Iftar Ramadan Tahun 2022 anjuran MDBG telah berlangsung pada jam 6.00 petang di Dewan Bandaran Kinta, Batu Gajah.

Semoga ibadah Ramadan tahun ini diterima Allah dan mendapat keberkatan serta keampunan Allah SWT.



23 APRIL 2022

PROGRAM #IXORA@MDBG-KONGSI REZEKI SUMBANGAN SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2022

Setinggi tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Ahli Majlis, Majlis Daerah Batu Gajah atas inisiatif dalam memberikan sumbangan sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022.

Inisiatif ini sekaligus dapat membantu serta memberi keceriaan kepada komuniti untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini. Diharapkan tindakan ini dapat dijadikan contoh dan terus dilaksanakan pada masa akan datang.




Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

27 MEI 2022

Sekitar suasana Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022 Majlis Daerah Batu Gajah yang diadakan di Dewan Bandaran Kinta, Batu Gajah pada 27 Mei 2022.

Terima kasih kepada stakeholders yang dapat bersama-sama hadir memeriahkan suasana. Semoga hubungan baik yang dibina dapat memberikan outcome sempurna kepada komuniti.



Turun Padang

03 FEBRUARI 2022

TURPA telah dilaksanakan bersama IPD Batu Gajah dan Syarikat Konsesi bagi tindakan pembetulan terhadap isu yang dibangkitkan oleh komuniti di kawasan tersebut. Sebarang aduan, cadangan dan permohonan tuan / puan boleh klik pautan atas talian kami di <https://perak.spab.gov.my>



03 MAC 2022

TURPA bersama jabatan dalaman MDBG bagi tindakan pembetulan mengenai isu yang dibangkitkan oleh komuniti di Taman Gading, Batu Gajah, Perak. Hasil daripada TURPA tersebut, MDBG telah mengeluarkan notis kepada pemilik rumah di bawah Akta 133 Seksyen 72 iaitu meruntuhkan dan memindahkan bangunan yang tidak dibenarkan.



17 MAC 2022

TURPA Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah bersama Pegawai Daerah Kinta dan agensi bagi memantau tindakan pembetulan mengenai isu banjir yang dibangkitkan oleh komuniti di Taman Chenderong Jaya dan Taman Cahaya Chenderong. Kini, kerja-kerja bagi mengurangkan isu tersebut sedang giat dilaksana.



14 APRIL 2022

Cir. Pn. Noor Iashah binti Husain Ahli Majlis, Majlis Daerah Batu Gajah bersama Ketua Komuniti Penduduk Taman Bemban Raya dan pegawai teknikal dari Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) dalam sesi TURPA bagi pemantauan spesifikasi mula kerja di lapangan. Inisiatif ini merupakan permohonan yang dibangkitkan oleh ketua komuniti Taman Bemban Raya untuk menyediakan sebuah dataran bagi tapak niaga komuniti di sekitar kawasan Taman Bemban Raya.



22 JUN 2022

Majlis Daerah Batu Gajah telah melaksana operasi turun padang susulan sesi kunjungan mesra YB Sandra Ng, Adun Mukim Teja ke Majlis Daerah Batu Gajah pada 2 Jun 2022 yang lalu.

Turun padang ini turut dihadiri oleh pelbagai agensi yang terlibat agar masalah komuniti setempat dapat diselesaikan dengan kadar segera. Semoga isu-isu berbangkit dapat diselesaikan demi kebaikan semua.



Program Gotong-Royong

13 MAC 2022

Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada penduduk serta Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Pisang dalam usaha membersihkan kawasan Kampung Pisang. Turut hadir bersama, agensi daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Kinta serta anggota Majlis Daerah Batu Gajah, Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran dan Bahagian Landskap.

Skop tindakan merangkumi pemangkasan dahan dan pembersihan semak samun di sepanjang Jalan Pisang Abu, Kampung Pisang.



20 MAC 2022

Majlis Daerah Batu Gajah bekerjasama bersama penduduk Bandar Tasik Idaman bagi melaksana program gotong-royong di sekitar taman. Fokus utama program pagi ini adalah bagi memangkas pokok-pokok sekeliling agar tidak membahayakan penduduk Bandar Tasik Idaman.



20 MAC 2022

Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah melaksana program gotong-royong di Taman Tasek Putra. Fokus utama program pagi ini adalah pengurusan sisa pepejal di kediaman penduduk serta pembersihan longkang yang tersumbat.



12 JUN 2022

Komuniti penduduk Taman Mewah telah melaksana program gotong-royong di taman permainan pada pagi ini. Majlis Daerah Batu Gajah berbesar hati membantu apa yang diperlukan bagi menjayakan program ini.



Hari ALAM SEKITAR SEDUNIA "WORLD ENVIRONMENT DAY"

5 JUN 2022
#onlyoneearth

MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut pada tarikh 5 Jun setiap tahun di peringkat global merupakan hari untuk menyuburkan rasa cinta kepada planet. Pada tahun 2022 ini negara Sweden telah terpilih menjadi tuan rumah (*host*) dengan tema "Only One Earth" yang memfokuskan kepada gaya hidup yang serasi dan harmoni dengan alam.

"We have only one home. And that is worth standing up for."

#worldenvironmentday2022
#onlyonehome
#onlyoneearth
#batugajahbersihhijauindah

Memahami Kepentingan Kebersihan dan Keselamatan Makanan

Perkara-perkara asas yang perlu diutamakan untuk memastikan makanan yang bersih adalah :

Keperluan
kesihatan asas
yang mencukupi



Premis
makanan yang
mempunyai
persekitaran
yang bersih



enyediaan dan
penyimpanan
makanan yang
betul



Rekabentuk
premis
makanan dan
peralatan yang
sesuai



Kebersihan
bahan mentah



Pengendali
makanan yang
bersih



SIDANG REDAKSI

Perasihat

Mohamad Razif bin Ramli, AMP.
Yang Dipertua

Ketua Editor

Shahiri bin Tan
Setiausaha

Penolong Ketua Editor

Makhlis bin Othman

Sidang Editor / Media Sosial

Mohamad Shah Ridla bin Mohd Ismet
Nadhirah binti Hanifah
Nor Hazahayani binti MatZain

Reka Bentuk / Grafik

Fatin Hazwani Binti Tarmidzi

Fotografi

Muhamad Fitri bin Abdul Rahman
Syed Jamil Hasnan bin Shaikh Hassan

Diterbitkan oleh:

**Majlis Daerah Batu Gajah Jalan Haji Abdul Wahab,
31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan.**

Telefon : 05-363 2020

Faks : 05-366 5930

E-mel : pentadbiran@mdbg.gov.my

Facebook : www.facebook.com/mdbatugajah



MAJLIS DAERAH BATU GAJAH